

KEJOHANAN OLAHRAGA TERTUTUP UniMAP KALI KE-7, 2011

Pusat Sukan telah menganjurkan Kejohanan Olahraga Tertutup UniMAP Kali Ke-7, 2011 yang telah diadakan selama tiga hari bermula 18 hingga 20 Mac 2011 bertempat di Stadium Utama Kangar. Kejohanan ini melibatkan staf-staf dan pelajar-pelajar yang mewakili PTJ dan Rumah Sukan masing-masing.

Tujuan utama kejohanan ini diadakan adalah untuk mencari bakat-bakat baru dalam sukan olahraga di kalangan staf dan pelajar sebagai persediaan untuk menyertai Sukan Staf 2011 dan Sukan MASUM 2011 bagi pelajar. Seramai lima orang atlet baru telah dinobatkan sebagai olahragawan dan olahragawati untuk setiap kategori pada kejohanan kali ini. Dalam kejohanan ini juga UniMAP telah menjemput beberapa universiti dan sekolah untuk acara jempunan 4x100 meter wanita iaitu UiTM Arau, Sekolah Sukan Negeri Perlis dan Sekolah Menengah Syed Hassan manakala untuk jempunan 4x400 meter lelaki pula daripada UiTM Arau.

Majlis Perasmian Penutup dan Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Raja Muda Perlis, DYTM Tuanku Syed Faizudin Putra Ibni Tuanku Syed Sirajudin Jamalullail. Turut berangkat hadir, Raja Puan Muda, DYTM Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil yang juga Pro Canselor UniMAP.

Dalam titahnya, Baginda berharap agar warga UniMAP khususnya dan masyarakat Perlis amnya sentiasa mencari masa untuk melakukan senaman dan bersukan secara berkala terutama bagi golongan muda dan profesional.

Semoga di tahun-tahun akan datang UniMAP akan dapat mencungkil lebih banyak lagi bakat-bakat baru bagi memecahkan rekod dalam olahraga sekaligus menaikkan nama UniMAP di peringkat universiti, Negara serta antarabangsa.

KEPUTUSAN:

Bil	Anugerah	Nama	Rumah
1	Olahragawan Staf Lelaki Senior	Mohd Hafiz Mansor	Kuning
2	Olahragawati Staf Wanita Senior	Norhaslinda Md Husin	Kuning
3	Olahragawan Staf Veteran lelaki	Abdul Rasid Mahamoud	Kuning
4	Olahragawan Staf Veteran Wanita	Nor Izzati Abdullah	Merah
5	Olahragawan Pelajar	Kamaruzzaman Mohamad AwangBiru	Muda
6	Olahragawati Pelajar	Suraya Idris	Maroon

Hiasan Rumah Tercantik Pelajar

Kedudukan	Rumah	Keputusan
Johan	Jingga	89.6%
Naib Johan	Pink	82.4%
Ketiga	Biru Muda	83.3%

Hiasan Rumah Tercantik Staf

Kedudukan	Rumah	Keputusan
Johan	Kuning	83.3%

Perbarisan Terbaik Pelajar

Kedudukan	Rumah
Johan	Jingga
Naib Johan	Pink
Ketiga	Biru Muda

Perbarisan Terbaik Staf

Kedudukan	Rumah
Johan	Hijau

Jempunan 4x100 Meter Wanita

Kedudukan	Pemenang
Johan	UiTM Arau
Naib Johan	Sekolah Sukan Negeri Perlis
Ketiga	Sekolah Menengah Syed Hassan

Jempunan 4x400 Meter Lelaki

Kedudukan	Pemenang
Johan	UiTM Arau
Naib Johan	UniMAP Staf
Ketiga	UniMAP Pelajar

